

UMP, ITT tawar ijazah berkembar farmaseutikal

BH (Timur) 20/6/11 (18nin) ms:rf

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai Memorandum Perjanjian (MOA) dengan Institut Teknologi Tallaght (ITT), Republik Ireland, bagi menawarkan program ijazah-berkembar dalam bidang kejuruteraan Teknologi Farmaseutikal yang pertama di negara ini.

Universiti berkenaan juga mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) dengan Organisasi Industri Farmaseutikal Malaysia (MOPI) yang mempunyai keahlian di kalan-

gan 34 industri dalam bidang berkenaan. Perjanjian kerjasama itu disaksikan Pengerusi Jawatankuasa Sains, Inovasi dan Teknologi Maklumat, Datuk Mohd Sharkar Shamsudin yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob yang kemudian

melancarkan Makmal Berpusat UMP di Taman Teknologi Inovasi UMP Gambang, dekat yang bakal menjadi pusat rujukan setempat penyelidikan dan produk keluaran industri.

Makmal itu yang dilengkapi teknologi canggih akan menjalankan pengujian terhadap bahan kimia, bioteknologi dan bahan material untuk kegunaan industri yang antaranya dapat mengesan kualiti air, keselamatan makanan, ubat-ubatan dan produk kecantikan.

Sementara itu, Adnan dalam ucapan yang dibacakan oleh Mohd Sharkar, berkata kewujudan makmal itu akan merancakkan pembangunan industri berteknologi tinggi bagi produk makanan halal, bioteknologi, pusat maklumat dan teknologi dan komunikasi (ICT) dan pusat teknologi pertanian negeri ini.



MOHD SHARKAR (kiri) meneliti dokumen pada pelancaran makmal berpusat kerjasama bidang kejuruteraan teknologi farmaseutikal di Universiti Malaysia Pahang, Gambang.